

Pembelian kereta meningkat, petanda perbelanjaan pengguna di Malaysia sudah pulih - Tengku Zafrul
Astro Awani
19 Ogos 2020

PUTRAJAYA: Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz memaklumkan perbelanjaan pengguna di Malaysia yang sebelum ini terjejas akibat pandemik COVID-19, sudah pulih.

Menurutnya, negara mencatat kenaikan 6.3 peratus tahun ke tahun bagi penjualan kereta pada bulan Jun 2020.

Tambah beliau, langkah seperti insentif cukai untuk pembelian kereta jelas menyebabkan kenaikan tersebut yang menunjukkan perkembangan positif untuk sektor berkenaan.

“Sentimen pengguna juga telah jelas pulih dibuktikan oleh peningkatan mendadak dalam perbelanjaan kad kredit kepada RM10.7 bilion pada bulan Jun.

“Ia berbeza berbanding RM6.5 bilion pada bulan April 2020, dengan pertumbuhan disebabkan oleh perbelanjaan yang selamat dan tanpa sentuhan,” katanya.

Beliau berkata dalam kenyataan laporan terkini pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada Rabu.

Laporan itu merupakan laporan ke-17 Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA).

Tambah beliau, pembiayaan bersih kepada sektor swasta terus meningkat pada kadar 3.7 peratus setahun.

“Pertumbuhan pinjaman perniagaan sedia ada meningkat dari 3.4 peratus pada suku pertama 2020 kepada 3.9 peratus pada suku kedua 2020.

“Keputusan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mengurangkan Kadar Polisi Semalaman (OPR) kepada kadar semasa sebanyak 1.75 peratus jelas sekali menyumbang kepada persekitaran pembiayaan yang lebih baik,” katanya.

**© 2020 Astro Awani Network Sdn. Bhd.
(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pembelian-kereta-meningkat-petanda-perbelanjaan-pengguna-di-malaysia-sudah-pulih-tengku-zafrul-255934>